

# Atasi masalah jurang digital

Oleh  
MARHAINI KAMARUDDIN

**K**UALA LUMPUR 7 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu negara-negara sedang membangun memprbetulkan ketidaksempurnaan pasaran liberalisasi menerusi dasar campur tangan di peringkat kerajaan dan perniagaan.

Perdana Menteri memberi amaran sekiranya isu-isu berkaitan tidak ditangani segera, masalah jurang digital di antara negara sedang membangun dengan negara maju akan semakin melebar.

“Antara cabaran utama ialah bergerak pada kelajuan yang dapat menyanyi negara-negara maju dan mewujudkan kelompok kritikal yang diperlukan.

“Kekurangan capaian Internet dan pengetahuan mengenainya akan melebarkan jurang digi-

tal,” katanya dalam ucapan pada majlis penyampaian Anugerah Teknologi Maklumat dan Komunikasi Asia Pasifik (APICTA) di sini, malam ini.

Teks ucapan Perdana Menteri dibacakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Bagi Dr. Mahathir adalah perlu untuk memastikan tarif rangkaian berdaya saing, perkakasan capaian murah dan sokongan mencukupi kepada penduduk untuk mendapatkan komputer peribadi (PC).

Perdana Menteri menarik perhatian kepada unjuran terbaru Gartner Dataquest yang menganggarkan pelanggan Internet di Asia Pasifik akan mencapai 183 juta iaitu melebihi 163 juta pelanggan di Amerika Syarikat menjelang tahun 2003.

“Kita perlu memastikan usaha ke arah itu

dibuat secara agresif supaya jumlah sebenar pelanggan (Internet) tidak sahaja mencapai sasaran malah melebihi tahap yang dijangkakan,” katanya.

Dalam hal ini, menurutnya, setiap negara sedang membangun perlu mengambil peluang daripada senario semasa dan bertindak segera menyelesaikan isu-isu berkaitan untuk mewujudkan persekitaran yang selesa.

Isu-isu seperti perlindungan harta intelektual, definisi tempat jualan barangan dan perkhidmatan secara elektronik bagi tujuan pencukaian, perlindungan pengguna, penyelesaian masalah dan rangka kerja sekuriti dan kawal selia lain.

Bagi Malaysia, Perdana Menteri bangga kerana MSC berperanan sebagai blok dan katalis penting dalam mengubah rakyat menjadi masyarakat berpengetahuan.

“Kini kita telah melihat

hasil daripada pelaburan (MSC) itu.

“Secara ikhlas, saya tidak dapat membayangkan keadaan Malaysia hari ini, sekurang-kurangnya dalam sektor ICT, jika inisiatif MSC tidak dilaksanakan,” katanya.

Sementara itu, APICTA 2001 menyaksikan Malaysia membolot enam daripada 10 anugerah yang dipertandingkan.

Malaysia memenangi Anugerah Pendidikan melalui Sistem Pembelajaran Multimedia yang dicipta oleh Universiti Multimedia (MMU), REDtone Technology Sdn. Bhd. (Aplikasi Komunikasi).

IRIS Corporation Berhad (Kerajaan dan Perkhidmatan Elektronik), Looi Hoang Thoong (Keselamatan), Creative Advances Technology Sdn. Bhd. (Pelancongan) dan Reza Fahmi Razali yang memenangi projek pelajar menerusi terato.com, portal yang dibangunkannya untuk remaja.